

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED
ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kedudukan mula kerja dan pelaksanaan bagi pembinaan Balai Bomba Trong di Pekan Trong, Parlimen Bukit Gantang. Maklumat yang diterima, Kementerian Kewangan telahpun meluluskan peruntukan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Balai Bomba dan Penyelamat Trong, Perak (Kategori D) telah diluluskan dalam RMKe-11 Rolling Plan Kedua (RP2) Tahun 2017 dengan kos projek RM3.675 juta.
2. Surat Setuju Terima (SST) projek telah dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada petender yang berjaya pada 15 Oktober 2020. Pembinaan projek telah bermula pada 28 Oktober 2020 dan akan tamat pada 15 Mac 2022.

Sekian, terima kasih.